

24 JUN 2003

Profil-Chan/I

CHAN KONG CHOY: DARIPADA PENSYARAH KEPADA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Tahun Kambing mungkin merupakan tahun yang bertuah bagi bekas pensyarah Datuk Chan Kong Choy.

Sebulan selepas menggantikan mentornya Datuk Seri Lim Ah Lek sebagai timbalan presiden MCA, Chan hari ini maju setapak lagi dalam kerjaya politiknya hari ini apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikannya sebagai Menteri Pengangkutan, jawatan yang sebelum ini dipegang oleh bekas ketuanya dalam MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dilahirkan pada 17 Mei, 1955 di Bentong, Pahang, Chan mula menceburi politik apabila Naib Presiden MCA dan Menteri Kesihatan pada ketika itu Tan Sri Chan Siang San berjaya memujuknya keluar dari Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) dan menjadikannya sebagai setiausaha politik beliau pada 1986.

Chan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Khai Mun, Bentong sebelum meneruskan pelajarannya di Sekolah Tinggi Katolik dan Sekolah Menengah Sulaiman, juga di Bentong.

Beliau meneruskan pendidikannya di Kolej Tunku Abdul Rahman di Setapak dan kemudian melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya dan memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama dalam Pengajian Bahasa Cina.

Untuk itu, beliau menerima Anugerah Cemerlang Canselor UM.

Selepas menamatkan kursus Diploma Pendidikan di universiti yang sama pada 1980, Chan memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di UPM dan beliau merupakan antara mereka yang telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Jabatan Bahasa Asing.

Lima tahun kemudian, beliau menjadi setiausaha politik pada 1986 dan hanya berkhidmat selama beberapa bulan sebelum beliau dipilih untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Tanah Rata pada pilihan raya umum 1986 dan berjaya menewaskan calon DAP Poon Man Kem dengan majoriti lebih 1,800 undi.

Beliau serta merta dilantik sebagai anggota Majlis Eksekutif Pahang yang bertanggungjawab bagi Pembangunan Kebajikan dan Sosial sebelum mengambil alih portfolio Kerajaan Tempatan dan Kampung-kampung Baru pada 1990, menggantikan Lim Ah Lek yang meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Bentong pada 1989.

Dalam pilihan raya umum Oktober 1990, Chan maju selangkah lagi apabila beliau bertanding kerusi Parlimen Lipis, menewaskan calon Semangat 46, Dr Amin Husaini Abdul Manan dengan majoriti 4,222 undi.

Pada 26 Okt, 1990, Chan buat pertama kalinya berpeluang berkhidmat di peringkat Persekutuan apabila beliau dilantik Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pada pilihan raya umum berikutnya, Chan, dikenali sebagai "KC" di kalangan anggota parti, berpindah ke Selayang, Selangor dari negeri kelahirannya di Pahang untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Selayang.

Beliau memenangi kerusi Selayang dengan menewaskan Zainul Amri Abdul Aziz, seorang calon bebas, dengan majoriti 38,627 undi.

Pada 5 Mei, 1995, Chan dinamakan sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos. Kementerian itu kemudiannya ditukar nama kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Pada pilihan raya umum lepas, Chan bertanding di kerusi Parlimen yang sama dan menewaskan calon DAP Zaitun Kassim dengan majoriti 8,835 undi.

Tahun 1999 amat signifikan dalam kerjaya politik Chan apabila Ketua

Pemuda MCA itu, jawatan yang dipegangnya sejak 1990, memutuskan untuk bertanding bagi satu daripada empat jawatan naib presiden.

Pada 17 Julai, 1999, Chan dipilih sebagai naib presiden apabila memperoleh 1,650 undi, menduduki tempat keempat dan terakhir dalam pertandingan itu.

Tiga tahun kemudian, beliau dilantik semula sebagai naib presiden MCA bagi penggal kedua berikutan keputusannya untuk mengekalkan status quo beliau dalam parti, yang merupakan sebahagian daripada pelan damai bagi menyelesaikan krisis dalaman MCA.

Chan mencapai "tahap kemasyhuran" apabila pada 23 Mei lepas, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden MCA oleh jawatankuasa pusat parti, menggantikan mentor dan ahli politik veteran Lim Ah Lek.

Keputusan oleh badan pembuat keputusan tertinggi parti itu dibuat berikutan keputusan oleh bekas presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Lim untuk mengundurkan diri secara serentak sebagai sebahagian daripada pelan damai MCA.

Jawatankuasa pusat telah melantik Datuk Seri Ong Ka Ting untuk mengambil alih kepimpinan parti itu manakala Chan sebagai timbalannya.

-- BERNAMA

AT MFJ MFJ RHM